



01 JUL, 2020

## Pasar, bazaria dibuka sepenuhnya

SelangorKini, Malaysia

Page 1 of 2

# Pasar, bazaria dibuka sepenuhnya



**Sze Han melawat Pasar Pagi MPSJ, Bandar Puchong Jaya yang kembali dibuka pada 16 Jun**

**SERDANG** – Operasi pasar pagi, pasar malam dan bazaria dijangka dibuka sepenuhnya dengan pematuhan ketat tatacara operasi piawai (SOP).

EXCO kerajaan tempatan berkata hampir 50 peratus pasar beroperasi dengan pemantauan pihak berkuasa tempatan (PBT) setakat ini.

“Saya berpuas hati dengan

tahap pematuhan SOP, saya lihat peniaga dan pelanggan memberi kerjasama serta patuh dengan kebiasaan baharu.

“Semua pihak diminta mengekalkan disiplin, kita tidak mahu hanya mula-mula sahaja patuh lepas itu langgar SOP kerana penularan Covid-19 masih berlaku,” kata Ng Sze Han pada 22 Jun.

Operasi pasar pagi, pasar malam dan bazaria dibuka secara berperingkat di lokasi terpilih mulai 15 Jun mengikut SOP Majlis Keselamatan Negara.

Pasar pagi, pasar tani dan pasar terbuka dibenarkan beroperasi dari 6 hingga 11 pagi, pasar malam (4 petang hingga 10 malam) dan bazaria (5 petang hingga 12 malam).



01 JUL, 2020

## Pasar, bazaria dibuka sepenuhnya

SelangorKini, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Sze Han melawat Pasar Pagi MPSJ, Bandar Puchong Jaya yang kembali dibuka pada 16 Jun

SERDANG – Operasi pasar pagi, pasar malam dan bazaria dijangka dibuka sepenuhnya dengan pematuhan ketat tatacara operasi piawai (SOP). EXCO kerajaan tempatan berkata hampir 50 peratus pasar beroperasi dengan pemantauan pihak berkuasa tempatan (PBT) setakat ini. “Saya berpuas hati dengan

tahap pematuhan SOP, saya lihat peniaga dan pelanggan memberi kerjasama serta patuh dengan kebiasaan baharu.